

260

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD

SOALAN : NO. 193

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah mahasiswa mengikut pecahan IPTA dan IPTS mengikut tahun pengajian 2009 hingga 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah enrolmen pelajar Universiti Awam pada tahun 2015 adalah seramai 540,638 orang, pada tahun 2016 seramai 532,049 orang dan pada tahun 2017 seramai 538,555 orang. Manakala jumlah enrolmen pelajar Institusi Pendidikan Swasta pada tahun 2015 adalah seramai 580,928 orang, pada tahun 2016 seramai 695,026 orang dan pada tahun 2017 seramai 666,617 orang.

RT16/194

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
DARIPADA [SHAH ALAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khalid Bin Abd SAMAD [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang keciciran pendidikan samada sekolah formal atau swasta mengikut negeri sepanjang tahun 2009 hingga 2017

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Purata peratus keciciran murid sekolah rendah bagi tahun 2013 hingga 2017 antara 0.16 hingga 1.42 peratus. Manakala purata peratus keciciran murid sekolah menengah bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah 1.87 hingga 4.63 peratus. Peratus keciciran murid yang dinyatakan tersebut adalah merangkumi murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta murid dari keluarga B40 yang tercicir sekolah dan berhenti sekolah.

RT16/194